

## Kesan Kurikulum Pelajaran Ugama Terhadap Pembangunan Sahsiah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Islam Negara Brunei Darussalam

Abdul Hakim bin Dr Haji Roslan<sup>1</sup>, Hambali bin Haji Jaili<sup>2</sup>, Yumna Yumna<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam

[13sm013@gmail.com](mailto:13sm013@gmail.com)

[hambali.jaili@unissa.edu.bn](mailto:hambali.jaili@unissa.edu.bn)

[3 yumna1120@gmail.com](mailto:yumna1120@gmail.com)

Vol. 7, Issue 2 | July 2024

### KATA KUNCI

Kurikulum,  
Pelajaran Ugama,  
Sahsiah Pelajar,  
Pengajian Tinggi

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam Negara Brunei Darussalam. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif bagi memudahkan pengkaji untuk melihat kesan kurikulum tersebut terhadap pembangunan sahsiah pelajar IPT Islam. Manakala instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah soal selidik, temubual, dokumentasi dan pemerhatian. Persampelan kajian ini melibatkan seramai 348 responden yang dipilih daripada IPT Islam di Negara Brunei Darussalam. Data kajian diperolehi melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Instrumen kajian telah menunjukkan nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* bagi item soal selidik adalah tinggi ( $>0.9$ ). Hasil dapatan kajian menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar menunjukkan skor min pada tahap sederhana tinggi iaitu  $\text{min}=3.96$ , sisihan piawai= $.577$ . Manakala kesan daripada aspek pemerhatian dalam pembangunan sahsiah pelajar ( $\text{min}=4.19$ ); kesan daripada aspek *mujahadah* (perjuangan) dalam pembangunan sahsiah pelajar ( $\text{min}=4.07$ ); kesan daripada aspek pergaulan dalam pembangunan sahsiah pelajar ( $\text{min}=3.96$ ); kesan daripada aspek *muhasabah* (memperbaiki diri) dalam pembangunan sahsiah pelajar ( $\text{min}=3.83$ ) dan kesan daripada aspek *riyadah* (latihan) dalam pembangunan sahsiah pelajar ( $\text{min}=3.76$ ). Hasil dapatan ujian-*t*, menunjukkan terdapatnya perbezaan daripada kesan-kesan aspek pemerhatian, aspek *mujahadah* (perjuangan), aspek pergaulan, aspek *muhasabah* (memperbaiki diri) dan aspek *riyadah* (latihan). Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada guru selaku pelaksana kurikulum pelajaran ugama dan pelajar selaku penerima dan pengamal isi kandungan kurikulum. Keperluan kepada aspek penyusunan dan pengemaskinian kurikulum Pelajaran Ugama ini perlulah seimbang, lengkap dan sempurna agar ianya bersesuaian kepada aspek pembangunan sahsiah pelajar. Selain itu juga, perlu dijalankan satu kajian penyelidikan mengenai penyusunan dan pengemaskinian semula

kurikulum pelajaran ini bagi membolehkannya memperkenalkan program-program yang boleh menjadi satu inisiatif kepada pembangunan sahsiah pelajar.

## PENGENALAN

Al-Quran mengangkat kedudukan ilmu pengetahuan dan menempatkannya pada kedudukan yang tinggi dan terhormat. Bagi membuktikan perkara ini, dapatlah dilihat daripada 5 ayat pertama yang diturunkan oleh Allah yang Maha Bijaksana di dalam Surah al-'Alaq iaitu untuk menjelaskan nilai kalimat-kalimat yang dibaca dan ditulis.

أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (1) خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ  
(2) أَقْرَأَ وَرِثْكَ الْأَنْكَوْمُ (3) الَّذِي عَلَمَ بِالْقُلُوبِ (4) عَلَمَ  
الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ (5)

Terjemahannya: "Bacalah (Wahai nabi Muhammad) dengan (menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)). Dia telah menciptakan manusia daripada segumpal darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Maha Pemurah. Yang mengajar (manusia menulis) dengan qalam ( pena). Dia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya."

Sebagaimana yang dapat dijelaskan melalui ayat 1 hingga 5 dalam surah al-'Alaq di atas menunjukkan bahawa surah ini memerintahkan supaya manusia membaca dan menulis kerana kedua-duanya adalah jalan untuk mendapat dan menyebarkan ilmu pengetahuan di kalangan manusia. Dengan adanya ilmu pengetahuan, maka manusia akan menjadi manusia yang istimewa berbanding makhluk-makhluk yang lain.

Islam juga telah memandang ilmu pengetahuan ke taraf ibadat yang amat mulia. Bahkan dari segala segi pendidikan, ianya dipandang serius oleh Islam, khasnya pendidikan rohani dan akhlak keperibadian. Dalam pada itu, pendidikan yang baik dan tulen ialah pendidikan yang berteraskan kepada konsep tauhid, kerana dengan tauhidlah peribadi insan yang luhur dapat dibentuk di mana terdapatnya paduan yang

harmonis antara ilmu, budi, jiwa dan amal soleh.

Oleh yang demikian, sepatutnya ayat yang terdapat dalam surah al-'Alaq itu menunjukkan bahawa pendidikan itu mempunyai kedudukan yang penting dan tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan insan dalam konteks pembangunan sahsiah Muslim. Islam bukan sahaja menyeru umatnya mencari ilmu tetapi sekaligus meletakkan umatnya supaya sentiasa mengaplikasikan kehidupan ummah yang berakhlek dan bersahsiah sesuai dengan perutusan Nabi Muhammad *Sallallahu 'Alaihi Wasallam* untuk menyempurnakan akhlak manusia. Akhlak insan dapat diterjemahkan dengan insan yang memiliki akhlak Islam, bersahsiah dan berpesonaliti tinggi.

Pendidikan sering dilihat sebagai usaha untuk mewujudkan atau meningkatkan tamadun manusia. Sepanjang masa, pendidikan berkembang teguh sebagai satu instrumen penting untuk menyatukan manusia, membentuk sebuah masyarakat serta bagi memenuhi keperluan perubahan politik, sosial dan ekonomi sesebuah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa prihatin terhadap kualiti pendidikan yang diterima oleh rakyat Baginda. Ini dapat dilihat dalam petikan titah Baginda:

"...Beta melihat satu jalan keluar, malah satu harapan hanyalah pada pendidikan ju. Pendidikan sajalah yang mampu menguasai semua ini. Pendidikan merupakan alat tercanggih untuk mengatasi isu-isu yang kritikal dalam masyarakat. Di sinilah sumbangan pendidikan itu terhadap pembinaan insan dan kemajuan negara. Belum ada sukat-sukat yang boleh digunakan untuk

*mengukur sumbangan tersebut. Tetapi apa yang ada, setiap kejayaan di dalam pembangunan adalah berpunca dari sumber tenaga manusia, dan tenaga manusia pula adalah dibentuk oleh pendidikan dan latihan..."*

*...Memandangkan pendidikan adalah suluh kepada kehidupan ini, maka ia mestilah dimartabatkan sebagai kepentingan kebangsaan yang perlu diisi. Caranya antara lain ialah dengan menyediakan kurikulum yang mempunyai objektif mewujudkan budaya pendidikan sepanjang hayat, supaya ia benar-benar mampu melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pada semua peringkat umur.*

*Dalam makna lain, pendidikan kebangsaan perlulah menyediakan program-program pendidikan yang dinamik dan FORWARD LOOKING untuk menghasilkan ilmu dan kemahiran bagi keperluan-keperluan industri dan perkhidmatan-perkhidmatan tanpa membelakangi faktor-faktor nilai."*

Dalam pada itu, bagi mencapai hasrat baginda tersebut adalah seiring dengan matlamat Pelajaran Ugama untuk melahirkan insan salih yang beriman, berilmu, beramal dan berakhhlak atau insan yang sempurna (insan kamil). Sehubungan itu dalam mencapai matlamat melahirkan insan salih atau insan sempurna ini, antara perkara dasar yang perlu diutamakan dalam Pelajaran Ugama ialah membangun peribadi insan yang diisi dengan sifat takwa. Manusia yang bertakwa itu ialah yang mengabdikan dirinya kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Sebagaimana dalam firman Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* dalam surah adz-Dzariyat ayat 56 tentang kewujudan manusia,

وَمَا خَلَقْتُ أَجْنَانَ وَالْإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Terjemahannya: "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Allah."

Pelajaran Ugama yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah juga boleh mewujudkan serta memupuk masyarakat yang bertamadun tinggi itu dengan penuh rahmat dan kebahagiaan serta mendapat keredhaan daripada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Oleh itu, setiap umat Islam wajib menuntut ilmu

pengetahuan sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wasallam*:

طلب العلم فريضة على كل مسلم

Maksudnya: "*Menuntut Ilmu itu adalah wajib ke atas setiap umat islam.*" (Riwayat At-Tabrani dan Al-Baihaqy daripada Abu Sa'id al-Khudri).

Di samping itu, segala ilmu yang memberi manfaat kepada manusia sama ada berunsurkan ilmu dunia mahupun ilmu ukhrawi, ia adalah ilmu yang dituntut oleh Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* untuk dipelajari, dihayati dan diamalkan. Setiap amalan dalam ibadat sekalipun memerlukan ilmu pengetahuan untuk melaksanakannya. Begitu juga segala kemahiran dalam kehidupan manusia di dunia yang memerlukan ilmu ibarat pekerjaan pemburuh perahu perlu adanya kemahiran dan ilmu pengetahuan.

Pelajaran Ugama ini memainkan peranan utama dalam menerapkan nilai-nilai akhlak mulia dalam diri seorang pelajar. Malah pelajaran ugama ini berhubung kait dengan minat dan sahsiah pelajar yang perlu dititikberatkan sepanjang pembelajarannya sama ada dalam mahupun luar sekolah. Oleh yang demikian, pelajaran ugama adalah amatlah penting untuk diutamakan. Berdasarkan fakta sejarah, jika pelajaran ugama lemah, maka lemahlah pula bangsa. Oleh itu di peringkat asas pelajaran ugama hendaklah sempurna, sementara di peringkat tinggi pula adalah sebagai usaha untuk dapat melahirkan belia-belia yang berwibawa.

Dalam konteks kurikulum menurut perspektif Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa sesuatu subjek yang diajarkan di sekolah atau tempat untuk belajar. Namun dalam makna yang lain, kurikulum ini meliputi bagaimana untuk memperkembangkan pelajar dari segi mental, fizikal, emosional, sosial, spiritual dan moral daripada pengalaman belajar di dalam mahupun luar kelas. Manakala konteks kurikulum Pelajaran Ugama pula, disebut pula sebagai *manhaj* yang membawa maksud jalan yang terang yang dilalui oleh tenaga pengajar dan pelajarnya untuk mengembangkan pengetahuan, keterampilan dan sikap mereka. Oleh itu, jika diaplikasikan kepada kurikulum Pelajaran Ugama, maka kurikulum itu sendiri

berfungsi sebagai panduan yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk mendidik pelajarnya ke arah tujuan yang hendak dicapai.

Muhammad Qutb (1987) mengatakan matlamat akhir kurikulum Pelajaran Ugama adalah untuk melahirkan manusia soleh dalam erti kata kemanusiaan yang sebenarnya ialah jasmani, emosi, rohani dan intelek. Bahkan ditegaskan lagi bahawa kurikulum Pelajaran Ugama ini adalah satu-satunya kurikulum yang ada di atas muka bumi ini yang mendidik manusia secara seimbang iaitu tidak menekankan kepada kekuatan intelek sahaja tetapi kekuatan-kekuatan yang lain yang ada dalam diri manusia. Dalam pada itu, konsep pembangunan sahsiah pelajar ini berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Ini kerana pelajar merupakan sebahagian daripada manusia. Justeru daripada itu, bagi mengaitkan pembangunan sahsiah pelajar dengan kurikulum Pelajaran Ugama itu, perlulah seiring dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Jika tidak mengambil perhatian, maka tidak ada maknalah Allah *Subhanahu Wa Ta’ala* menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam yang merupakan diutus unruk menyempurnakan akhlak yang mulia sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu ‘Alaihi Wasallam* daripada Abu Hurairah RA:

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِأَقْرَبَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Terjemahannya: “Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak-akhlak mulia.” (Riwayat Bukhari dan Ahmad)

Dewasa ini, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja sehingga dapat memberi impak negatif terhadap seseorang individu tersebut. Hal ini sebagaimana dinyatakan oleh Mustari (2004) dalam kajiannya yang bertajuk “Kajian Sahsiah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor”, dengan masalah keruntuhan akhlak ini sedikit sebanyak merosakkan perkembangan sahsiah pelajar. Oleh yang demikian, generasi muda terutamanya para pelajar perlu memahami tanggungjawab dan

tugas yang mereka pikul pada masa akan datang.

## SISTEM PENDIDIKAN MASAKINI

Isu dalam sistem pendidikan mutakhir ini ialah pendekatan yang terlalu bersifat fizikal dan mekanikal. Menerusi pendekatan ini matlamat pendidikan tertumpu kepada konsep profesionalisme, kepakaran dan pengkhususan dalam bidang-bidang yang diperlukan segera pada satu-satu masa oleh pihak majikan atau pengajar tertentu dalam agenda besar iaitu industri pendidikan. Dalam keghairahan ini, matlamat pendidikan untuk membangunkan insan yang bermoral, berakhhlak, beradab dan berhikmah semakin terpinggir. Dalam hubungan ini, sistem pendidikan kita menghadapi cabaran-cabaran semasa dalam melahirkan insan sempurna. Isu-isu tentang keruntuhan akhlak dan globalisasi yang melanda perlu ditangani segera.

Cabaran dalam membangunkan insan boleh dikategorikan kepada dua aspek iaitu aspek luaran dan kedua aspek dalaman. Aspek luaran yang dimaksudkan ialah pengaruh luar dari kawalan dan aspek dalaman lebih menjurus kepada kelemahan sistem pendidikan itu sendiri yang juga terkesan daripada pengaruh luaran. Aspek-aspek tersebut ialah globalisasi, sekularisme dan dualisme, kurikulum pendidikan dan profesionalisme guru.

Trend globalisasi telah mencetuskan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Kehidupan global yang menyebabkan kebanjiran maklumat, akses yang mudah kepada dunia hiburan, layaran mudah bahan-bahan tidak bermoral melalui internet dan kehidupan alam siber yang menjadi trend masyarakat menjadikan gejala negatif yang dominan di luar batasan moral masyarakat setempat sukar dipintas dan ditapis. Habib Mat Som dan Megat Kamaluddin (2006) menjelaskan, fenomena ini mempunyai pertalian yang signifikan antara kemajuan kehidupan manusia dengan kesan daripada ledakan perkembangan telekomunikasi yang membawa kepada penyelerakan maklumat secara terbuka melalui dunia hiburan, komunikasi, penyelerakan pelbagai idea, budaya dan lain-lain.

Pengaruh globalisasi terhadap pendidikan amat mencabar. Maka, kekuatan sistem pendidikan yang berpaksikan kepada kepercayaan kepada Tuhan akan dapat menghakis pengaruh negatif kesan daripada globalisasi ini. Namun hakikatnya, tahap penghayatan dan pengamalan terhadap nilai-nilai murni semakin berkurangan dalam diri manusia. Manusia masa kini rakus mengejar nikmat dunia. Hal-hal yang berkaitan dengan halal-haram sudah tidak dihiraukan, malah apa yang diharapkan hanya untuk kepuasan diri.

Cabaran teknologi maklumat hasil daripada daripada dasar langit terbuka lebih banyak mendatangkan mudarat terutamanya kepada golongan remaja yang sedang mengalami perubahan diri. Alam remaja dikatakan sebagai saat yang rapuh bagi golongan ini kerana pada peringkat remaja, mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya menjerumuskan kepada perkara negatif. Menurut Saedah Siraj (2000) dan Arief Salleh dkk., (2004), pengaruh yang paling mudah menjangkiti golongan remaja adalah pengaruh negatif. Lebih-lebih lagi era globalisasi masa kini banyak mengundang keburukan sekiranya ia tidak dibatasi dengan nilai-nilai agama. Memang tidak boleh dinafikan bahawa kita harus mengikuti arus perkembangan semasa, namun pihak-pihak tertentu seharusnya membuat kawalan dan pantauan agar arus perkembangan semasa ini tidak akan menyesatkan dan melalaikan umat.

Menurut Ainul Widad Muhd Fauzi, dkk (2018), kemunculan Revolusi Industri 4.0 bermula tahun 2016 yang melibatkan penggunaan teknologi tanpa banyak menggunakan tenaga manusia pastinya memberi kesan terhadap semua sektor tidak terkecuali dalam sektor Pendidikan. Dengan munculnya revolusi yang mementingkan penggunaan teknologi dalam segenap bidang dan perkara, ia secara tidak langsung mengurangkan komunikasi antara guru dengan pelajar. Ini boleh menyebabkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang bergantung kepada sistem atas talian ataupun internet yang sekaligus akan mengurangkan kepentingan guru di dalam aspek pengajaran. Satu pertiga dari penduduk dunia menggunakan media sosial untuk belajar, berkongsi maklumat dan berhubung justeru

akan mengubah sistem pendidikan yang holistik.

Selain itu, Zulfan Nasution (2001) menjelaskan ada beberapa pihak membicarakan tentang kerosakan sahsiah, personaliti dan akhlak pelajar. Permasalahan dalam kalangan pelajar meresahkan ibu bapa dan para guru di sekolah yang melihat kepada perubahan sikap serta tingkah laku mereka. Hasnan Kasan (2002) menambah jika diteliti realiti yang berlaku masa kini, akan didapati beraneka jenis penyimpangan sosial telah dan sedang berlaku dikalangan ahli masyarakat Islam umumnya dan para pelajar khasnya. Antaranya ialah penyalahgunaan dadah, arak, seks bebas, budaya lepak, vandalism, jenayah pecah rumah, mencuri motosikal, merogol, menyamun, membunuh. Sebagai contoh laporan yang diwartakan oleh pelita Brunei pada 10 jun 2020 mendapat seramai 12 lelaki, lima wanita dan tiga remaja bawah umur mengaku bersalah di Mahkamah Majistret, kecuaian yang dilakukan berkemungkinan boleh merebakkan penyakit yang membahayakan nyawa sambal menambah faktor-faktor yang memburukkan termasuk pengambilan alkohol dan dadah.

Dalam hubungan berkaitan, Nabilah Rosmasayu Metusin dan Mohd Al Adib Samuri (2017) melaporkan setelah meneliti data statistik pendaftaran kes jenayah bagi mahkamah-mahkamah rendah Syariah di Brunei Darussalam dari tahun 2011 sehingga tahun 2015 mendapat bahawa kes khalwat telah mendominasi kes-kes kesalahan jenayah Syariah yang lain. Keseluruhan kes-kes jenayah yang didaftarkan sepanjang lima tahun kebelakangan itu adalah sebanyak 1219 kes termasuk kes menjual, membeli serta meminum minuman yang memabukkan, kes makan, minum serta merokok di siang hari bulan Ramadhan, kes khalwat, kes persetubuhan haram dan kes persetubuhan tertegah bernikah (sumbang mahram). Antara punca yang turut menyumbang kepada perkara tersebut adalah faktor diri sendiri, rakan sebaya, masyarakat, kurangnya pengetahuan agama serta tidak menitikberatkan soal pergaulan, pengaruh media massa yang serva canggih dan berteknologi serta kehiduan yang *style*, iaitu penuh bergaya dan berteraskan hawa nafsu semata.

Gejala keruntuhan akhlak dan sahsiah dalam kalangan remaja dan para pelajar masa kini, secara tidak langsung turut dikaitkan dengan kualiti guru pelajaran ugama. Kualiti yang kurang memuaskan ini berkait rapat dengan sahsiah guru Pelajaran Ugama. Ini kerana guru Pelajaran Ugama merupakan golongan yang menjadi kayu ukuran kepada keperibadian contoh Islam dalam kalangan pelajar dan rakan sekerja serta pihak pentadbir memandangkan mereka memiliki pengaruh yang kuat terhadap pembentukan sahsiah dan personality pelajar. Justeru, mereka tidak boleh lari daripada menghayati keseluruhan sifat serta akhlak yang mulia untuk menjadi guru Islam di khalayak ramai khususnya di sekolah.

Cabarannya seterusnya adalah perkara yang berkaitan dengan kurikulum ialah merealisasikan konsep sepada dalam semua aspek kurikulum pendidikan. Menurut Rosnani Hashim (2001) kurikulum meliputi seluruh proses pembelajaran, dari menentukan matlamat dan objektif, membina kandungan yang relevan, memikirkan kaedah pengajaran, penilaian tentang keberkesanannya sehingga kepada maklum balas untuk memperbaikinya. Konsep kesepaduan yang dinyatakan oleh Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan (2002) meliputi aspek kesepaduan dalam matlamat pendidikan, kesepaduan dalam kurikulum, kesepaduan kaedah pengajaran, kesepaduan dalam penilaian, kesepaduan dalam ketrampilan guru, kesepaduan dalam kemahiran, kesepaduan dalam ko-kurikulum dan kesepaduan nilai-nilai murni.

Bertitik tolak daripada itu, KDYMM mengambil perhatian kepada kepentingan Kurikulum Pelajaran Ugama sebagaimana antara lain titah baginda:

*"Kerana itu beta ingin melihat peranan 'besar' itu dilaksanakan secara berkesan. Dan untuk ini, penyusunan semula atau pengemasikan ini semua yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama hendaklah dibuat termasuk juga menyemak sukan dan kurikulumnya."*

Perubahan kurikulum dilakukan dari semasa ke semasa dengan tujuan menjamin kelangsungan masa depan negara yang lebih baik. Walau bagaimanapun, perubahan

amalan dari reaktif kepada proaktif, dari tidak produktif kepada produktif, dari pasif kepada aktif adalah merupakan beberapa strategi pembangunan kurikulum pendidikan yang diamalkan. Perancangan dan pembangunan sesuatu kurikulum perlu diurus dengan teliti untuk memastikan supaya kurikulum bukan sahaja relevan dengan keperluan, tetapi juga berkualiti dan berupaya menjulang martabat pendidikan negara di peringkat global dan antarabangsa. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab berat ini, para perencana dan penggubal akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan isu khususnya menyediakan kurikulum Pendidikan yang seragam dan berpusat. Proses pembangunan dan penggubalan dan sesuatu kurikulum kadang-kadang menghadapi pelbagai masalah dan cabaran. Malahan pada setiap peringkat pembangunan ada terdapat masalah dan isu-isu yang harus ditangani.

Antara isu yang sering dibincangkan adalah penilaian kurikulum pendidikan yang masih mengutamakan peperiksaan akademik yang cemerlang. Sememangnya penilaian itu penting dalam pendidikan untuk melihat tahap pencapaian dan perubahan seseorang pelajar kerana matlamat pendidikan ialah berlakunya perubahan dalam diri pelajar ke tingkat yang lebih baik. Sebaliknya, kurikulum pendidikan kini hanya menumpukan kepada ketinggian intelek semata-mata bagi mengukur kejayaan dan kecemerlangan seseorang. Dengan itu, matlamat untuk membangunkan insan akan terbantut sekiranya terdapat pelajar yang tidak melepassi tahap yang dikatakan berjaya tetapi mempunyai sahsiah yang baik.

Dalam hubungan ini, KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada bertitah mengenai peranan guru ugama semakin diperlukan agar pengaruh negatif dapat dibendung, antara lain titah baginda:

*"Dalam era serba mencabar ini, semua orang khasnya anak-anak adalah sentiasa terdedah kepada pengaruh-pengaruh negatif, yang menjadi punca utama berlakunya pelbagai gejala sosial. Masalah ini tidak boleh tidak, menjadikan peranan guru ugama adalah*

*semakin diperlukan. Kita tidak boleh lagi berfikir secara mundur ke belakang, tetapi kita perlu berfikir jauh lebih maju ke hadapan. Bermacam-macam jenis penyakit sedang menyerang, termasuk penyakit yang sangat payah dikawal yang bernama ‘penyakit rohani atau akhlak’. Penyakit ini begitu cepat berkembang, memerlukan kebolehan atau kepakaran luar biasa untuk merawat dan bahkan mencegahnya.’*

Isu dalam profesi guru juga dikaitkan dengan pendekatan dan kaedah pengajaran guru. Rentetan daripada niat yang tidak bertepatan dengan konsep pendidik, maka ia memberi kesan ke atas pengajaran dan pembelajaran. Terdapatnya kajian yang menunjukkan bahawa guru kurang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran boleh menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran. Jadi bagaimanakah insan itu dapat dibangunkan sahsiahnya jika penyampaiannya tidak menarik perhatian orang yang hendak dibangunkan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pemantapan sahsiah seseorang pelajar memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi dari pelbagai pihak dan individu. Justeru, kajian ini akan meninjau pelaksanaan kurikulum Pelajaran Ugama dan seterusnya dikaitkan kesannya terhadap usaha pembangunan sahsiah dan akhlak pelajar muslim.

Justeru kajian dijalankan untuk memantapkan peranan guru serta mengetahui keadaan sebenar peranan tersebut yang berkaitan dengan hubungan guru-pelajar secara khususnya dalam pembangunan sahsiah pelajar.

## SAMPEL KAJIAN

Responden adalah dalam kalangan 2,295 orang pelajar di dua buah IPT Islam NBD iaitu UNISSA dan KUPU SB. Pelajar digunakan sebagai responden kerana mereka terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran yang berpandukan kepada kurikulum Pelajaran Ugama yang disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan. Berdasarkan populasi tersebut, seramai 348 responden

yang dipilih sepetimana mengikut jadual Krejcie & Morgan (1970).

## KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data kuantitatif yang terbahagi kepada lima bahagian:

Bahagian 1: Kesan *Mujahadah* dalam pembangunan sahsiah pelajar

Bahagian 2: Kesan *Riyadah* dalam pembangunan sahsiah pelajar

Bahagian 3: Kesan Pemerhatian dalam pembangunan sahsiah pelajar

Bahagian 4: Kesan Pergaulan dalam pembangunan sahsiah pelajar

Bahagian 5: Kesan *Mujahadah* dalam pembangunan sahsiah pelajar

## DAPATAN KAJIAN

### Bahagian 1: Kesan Aspek *Mujahadah* (Perjuangan) Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar

Hasil analisis kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar pada aspek *mujahadah* (perjuangan) keseluruhan keputusan min menunjukkan semua item berada pada tahap yang tinggi. Data ini menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek *mujahadah* (perjuangan) pada aspek selalu makan makanan halal adalah tinggi dengan keputusan skor Min = 4.77. Manakala item yang kurang Kesannya dari aspek *mujahadah* menurut daripada sebahagian responden pelajar adalah membaca bahan bacaan ilmiah dengan keputusan skor Min = 3.47.

Keputusan min bagi 9 item keseluruhannya, berada pada tahap sederhana tinggi, Min = 4.07, SP = .507. Dengan lain perkataan, dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek *mujahadah* adalah pada tahap tinggi. Data ini juga menunjukkan, Kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap

pembangunan sahsiah pelajar yang perlu kepada *mujahadah* secara berterusan seperti pada aspek membaca bahan bacaan ilmiah, menghadiri jemputan jika diundang dan sifat sabar jika menghadapi masalah.

Oleh yang demikian, kesungguhan guru amat diperlukan dalam usaha mendidik sahsiah pelajar sehingga sifat terpuji menjadi satu kelaziman dan tabiat yang mudah dilakukan. Kaedah ini mendorong pelajar melazimi sesuatu perbuatan sehingga ianya menjadi satu sikap dan tingkah laku yang baik sehingga merasa seronok untuk melakukannya. Justeru, setiap usaha yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh di jalan Allah untuk mendekatiNya, nescaya Allah menjanjikan hidayah bagi orang-orang yang menempuh jalan itu. Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 69:

وَالَّذِينَ جَهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَّهُمْ سُبُّلًا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahannya: "Dan orang-orang yang berjihad untuk Kami, Kami tentu akan menunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang-orang yang berbuat kebaikan."

Dapatkan ini sekaligus memperlihatkan bahawa institusi pendidikan dan guru tetap berupaya memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar walaupun berada pada tahap sederhana tinggi.

### Bahagian 2: Kesan Aspek *Riyadah* (Latihan) Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar

Hasil analisis kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar pada aspek *riyadah* (latihan) keseluruhan keputusan min menunjukkan semua item berada pada tahap yang sederhana tinggi. Data ini menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek *riyadah* (latihan) pada aspek selalu mendoakan kedua ibubapa adalah tinggi dengan keputusan skor Min = 4.57. Manakala item yang kurang Kesannya dari aspek *riyadah* menurut daripada sebahagian responden

pelajar adaah selalu solat di awal waktu dengan keputusan skor Min = 3.21.

Keputusan min bagi 11 item keseluruhannya, berada pada tahap sederhana tinggi, Min = 3.76, SP = .570. Dengan lain perkataan, dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek *riyadah* pada tahap sederhana tinggi. Malahan data ini juga menunjukkan, kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar yang perlu diambil perhatian dan *riyadah* (latihan) dengan berterusan adalah seperti selalu solat di awal waktu, selalu mengamalkan puasa bukan untuk mendapatkan ganjaran, selalu tiba lebih awal dari waktu yang dijanjikan, selalu membaca al-Quran dan selalu mengamalkan zikir *istighfar*.

Oleh yang demikian, dalam pendidikan yang sebenar, latihan dan asuhan perlu dilakukan secara berterusan (meliputi peringkat peningkatan dan pemantauan) seperti yang dinyatakan oleh baginda Rasulullah *Sallallahu 'Alaihi Wassalam* menekankan agar ibu bapa mengambil tindakan yang lebih tegas jika anak tidak menunaikan solat ketika berumur 10 tahun. Selain itu juga, bimbingan hendaklah dilakukan secara langsung dan berbentuk amali. Para guru akan memimpin pelajarnya ke jalan yang betul. Sebagai contoh dalam konteks solat, guru bertindak sebagai pembimbing secara langsung melalui amali dan tunjuk ajar secara terus di masjid, surau dan sebagainya.

### Bahagian 3: Kesan Aspek Pemerhatian Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar

Hasil analisis kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar pada aspek pemerhatian keseluruhan keputusan min menunjukkan semua item berada di tahap yang tinggi. Data ini menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek pemerhatian pada aspek tidak suka melihat situasi seorang anak yang kasar terhadap kedua ibubapanya adalah tinggi dengan keputusan skor Min = 4.76. Manakala item yang kurang Kesannya dari aspek pemerhatian menurut daripada sebahagian responden pelajar adalah selalu

mencontohi tokoh-tokoh yang berjuang demi agama dan negara dengan keputusan skor Min = 3.53.

Keputusan min bagi 9 item keseluruhannya, berada pada tahap tinggi, min = 4.19, SP = .452. Dengan lain perkataan, dapatkan kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek pemerhatian adalah pada tahap tinggi. Data ini juga menunjukkan, kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar yang perlu kepada pemerhatian secara berterusan seperti pada aspek mencontohi tokoh-tokoh yang berjuang demi agama dan negara; dan fesyen pakaian yang tidak menyalahi syariat agama.

Oleh yang demikian, melalui pemerhatian, pelajar melakukan penyesuaian diri yang lebih kompleks dengan keluarga, teman sebaya dan guru melalui aktiviti sehari-hari dan kehidupan sosial sesuai dengan perasaannya. Menurut Hoffman (1996) keluarga merupakan faktor lingkungan yang paling hampir dan paling penting dalam mempengaruhi tingkah laku dan personaliti mereka. Proses tersebut bermula daripada seseorang itu kecil dan berterusan sehingga dewasa.

#### Bahagian 4: Kesan Aspek Pergaulan Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar

Hasil analisis kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar pada aspek pergaulan keseluruhan keputusan min menunjukkan semua item berada di tahap yang sederhana tinggi. Data ini menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek pergaulan pada aspek selalu menghormati semua guru adalah tinggi dengan keputusan skor Min = 4.49. Manakala item yang kurang kesannya dari aspek pergaulan menurut daripada sebahagian responden pelajar adalah selalu menziarahi sanak saudara dengan keputusan skor Min = 3.44.

Keputusan min bagi 10 item keseluruhannya, berada pada tahap tinggi, Min = 3.96, SP = .646. Dengan lain perkataan, dapatkan kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan kesan

kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek pergaulan adalah pada tahap sederhana tinggi. Data ini juga menunjukkan, kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar yang perlu kepada perhatian berkaitan dengan pergaulan adalah seperti pada aspek menziarahi sanak saudara; mengenali jiran tetangga; selalu berkongsi cerita dengan ibubapa mengenai aktiviti mereka dan selalu melayan tetamu dengan mesra.

Oleh yang demikian, pembentukan akhlak seseorang boleh terdedah kepada pengaruh positif dan negatif daripada lingkungan samada secara langsung atau tidak langsung dalam mencorakkan kehidupannya. Antaranya termasuklah pengaruh daripada elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat. Selain itu, elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan juga boleh mempengaruhi tingkah laku dan mencorakkan kehidupan seseorang.

Justeru, Imam al-Ghazali juga menyatakan bahawa lingkungan sosial mampu mempengaruhi peribadi dan akhlak seseorang kerana manusia secara semula jadi bersifat meniru. Sekiranya seseorang bergaul dengan orang-orang soleh dalam tempoh tertentu, ia akan mudah meniru dan mengaplikasikan kebaikan-kebaikan daripada orang-orang soleh tersebut dan begitulah sebaliknya.

#### Bahagian 5: Kesan Penggunaan Muhasabah (Memperbaiki Diri) Dalam Sahsiah Pelajar

Hasil analisis kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar pada aspek muhasabah (memperbaiki diri) keseluruhan keputusan min menunjukkan semua item berada di tahap yang sederhana tinggi. Data ini menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek muhasabah (memperbaiki diri) pada aspek selalu syukur dengan ketentuan ilahi terhadap mereka adalah tinggi dengan keputusan skor Min = 4.47. Manakala item yang kurang kesannya dari aspek muhasabah (memperbaiki diri) menurut daripada

sebahagian responden pelajar adalah melakukan solat sunat taubat dengan keputusan skor Min = 2.82.

Keputusan min bagi 9 item keseluruhannya, berada pada tahap tinggi, Min = 3.84, SP = .7.11. Dengan lain perkataan, dapatan kajian ini menunjukkan sebahagian besar responden pelajar menyatakan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek *muhasabah* (memperbaiki diri) adalah pada tahap sederhana tinggi. Data ini juga menunjukkan, kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar yang perlu kepada perhatian dan bermuhasabah diri dengan berterusan adalah seperti pada aspek melakukan solat sunat taubat; menghadiri majlis agama; membaca buku untuk meningkatkan motivasi diri; menerima teguran dari kawan-kawan dan selalu menilai kembali apa yang dilakukan setiap hari.

Kesimpulan, kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar pada aspek *muhasabah* (memperbaiki diri) keseluruhan keputusan min menunjukkan semua item berada di tahap yang sederhana tinggi. Data ini menunjukkan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar dari aspek *muhasabah* (memperbaiki diri) pada aspek selalu bersyukur dengan ketentuan Ilahi terhadap mereka adalah tinggi dengan keputusan skor min 4.47. Manakala item yang kurang kesannya dari aspek pergaulan menurut daripada sebahagian responden pelajar adalah selalu melakukan solat sunat taubat dengan keputusan skor Min = 2.82.

Oleh yang demikian, konsep *muhasabah* (memperbaiki diri) bermaksud seseorang itu melakukan penilaian terhadap dirinya sendiri. *Muhasabah* (memperbaiki diri) itu bertujuan mengislah diri dan membetulkan akhlak. Pintu taubat sentiasa terbuka sebelum kematian menjelma. *Muhasabah* (memperbaiki diri) akan diikuti taubat, dan tiada taubat selepas mati. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah An-Nisa' ayat 108,

يَسْتَحْفُونَ مِنَ النَّاسِ وَلَا يَسْتَحْفُونَ مِنَ اللَّهِ  
وَهُوَ مَعْهُمْ إِذْ يُبَيِّنُونَ مَا لَا يَرْضَى مِنَ الْقَوْلِ  
وَكَانَ اللَّهُ بِمَا يَعْمَلُونَ مُحِيطًا

Terjemahannya: "Mereka menyembunyikan diri (dengan kejahanan mereka) daripada manusia tetapi mereka tidak menyembunyikan diri daripada Allah, padahal Dia ada bersama-sama mereka (ketika mereka merancangkan (secara rahsia) pada malam hari kata-kata yang tidak diredhai oleh Allah. Dan Allah sangat meliputi pengetahuanNya terhadap apa yang mereka kerjakan."

Menurut al-Ghazali, proses *muhasabah* (memperbaiki diri) dilihat sebagai suatu proses untuk menilai amalan - amalan yang telah dilakukan oleh seseorang dalam konteks mencapai *al-sa'ādah* dalam diri. Justeru, *muhasabah* (memperbaiki diri) menurut beliau adalah melihat kepada modal, untung dan rugi berdasarkan amalan diri sendiri. Modal yang dimaksudkan oleh beliau ialah modal dalam agama iaitu perkara-perkara fardu yang dipertanggungjawabkan ke atas dirinya dan perlu disempurnakan. Keuntungan pula ialah perkara sunat yang dikerjakannya, manakala kerugian adalah disebabkan dirinya melakukan dosa dan maksiat.

## DAPATAN KESELURUHAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan analisis deskriptif Kesan kurikulum Pelajaran Ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar berdasarkan skor min soal selidik daripada 348 pelajar pada dua buah institusi pengajian tinggi Negara Brunei Darussalam. Analisis deskriptif ini adalah untuk melihat skor min keseluruhan dari aspek *mujahadah* (perjuangan), *riyadah* (latihan), pemerhatian, pergaulan dan *muhasabah* (memperbaiki diri) dalam pembangunan sahsiah pelajar.

Analisis kesan aspek pemerhatian dalam pembangunan sahsiah pelajar menunjukkan skor min berada di tahap yang tinggi, (Min = 4.19, SP = .452 ). Data ini menunjukkan kesan aspek pemerhatian dalam pembangunan sahsiah pelajar menurut pandangan responden pelajar sendiri berada di tahap yang tertinggi. Kesan aspek *mujahadah* (perjuangan) dalam pembangunan sahsiah

pelajar pada tahap yang kedua tertinggi menunjukkan skor min yang kedua tertinggi, iaitu ( $\text{min} = 4.07$ ,  $\text{SP} = .507$ ). Kesan aspek pergaulan pula data ini menunjukkan skor min yang ketiga tertinggi, iaitu ( $\text{Min} = 3.96$ ,  $\text{SP} = .646$ ).

**Jadual 1 : Skor Min Responden Pelajar Mengenai Kesan Kurikulum Pelajaran Ugama Terhadap Pembangunan Sahsiah Pelajar**

Bil		Min	SP	Interpretasi
1.	Kesan Aspek <i>Mujahadah</i> (Perjuangan) Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar	4.07	.507	Tinggi
2.	Kesan Aspek <i>Riyadah</i> (Latihan) Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar	3.76	.570	Sederhana Tinggi
3.	Kesan Aspek Pemerhatian Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar	4.19	.452	Tinggi
4.	Kesan Aspek Pergaulan Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar	3.96	.646	Sederhana Tinggi
5.	Kesan Aspek <i>Muhasabah</i> (Memperbaiki Diri) Dalam Pembangunan Sahsiah Pelajar	3.83	.711	Sederhana Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>		<b>3.96</b>	<b>.577</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Dapatkan keseluruhannya daripada responden pelajar dalam kajian berkaitan kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar menunjukkan skor min pada tahap sederhana tinggi iaitu  $\text{Min} = 3.96$ ,  $\text{SP} = .577$ . Data kajian tahap skor min yang sederhana tinggi menunjukkan bahawa banyak lagi perlu tingkatkan, khasnya dari aspek *riyadah* (latihan), *muhasabah* (memperbaiki diri) dan pergaulan.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian ini, kesan kurikulum pelajaran ugama terhadap pembangunan sahsiah pelajar jelas menunjukkan bahawa pembangunan sahsiah merujuk kepada aspek perubahan pada diri manusia itu sendiri sama ada perubahan itu ke arah positif atau negatif. Perubahan yang positif akan membentuk individu yang berdikari dengan segala nilai positif yang

murni. Pembangunan sahsiah juga membawa makna membina akhlak, peribadi dan tingkah laku dengan matlamat menjadikan seseorang itu bertamadun, intelek, murni dan berdaya maju.

## RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Kurikulum Pelajaran Ugama sudah sekian lama menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam sehingga penstrukturran semula kurikulum yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan yang diberi nama sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21). Oleh itu, kurikulum Pelajaran Ugama ini perlulah bersifat dinamik dan tidak statik. Ini kerana, jika kurikulum Pelajaran Ugama masih lagi terikat kepada sistem yang lama, maka sudah pasti tidak mampu untuk mengharungi masa depan yang penuh dengan cabaran lebih-lebih lagi arus kemodenan yang dilengkapi teknologi serba canggih.

Keperluan kepada aspek penyusunan dan pengemaskinian kurikulum Pelajaran Ugama ini perlulah seimbang, lengkap dan sempurna agar iaanya bersesuaian kepada aspek pembangunan sahsiah pelajar. Selain itu juga, perlu dijalankan satu kajian penyelidikan mengenai penyusunan dan pengemaskinian semula kurikulum pelajaran ini bagi membolehkannya memperkenalkan program-program yang boleh menjadi satu inisiatif kepada pembangunan sahsiah pelajar. Pihak Institusi Pengajian Tinggi perlulah juga memainkan peranan yang positif dalam menjadi kurikulum ini sebagai satu aspek pembangun sahsiah pelajar bagi melahirkan modal insan yang lebih cemerlang dan mempunyai jati diri sebagai seorang pelajar muslim.

Kurikulum pendidikan agama di institusi pengajian tinggi Islam di Negara Brunei Darussalam dilaksanakan dengan tujuan untuk membentuk sahsiah pelajar yang berakhhlak mulia, berpandangan jauh, dan mempunyai pegangan yang kukuh terhadap nilai-nilai agama. Kurikulum ini mengandungi pelbagai elemen yang memberi tumpuan kepada pembentukan rohani dan moral pelajar, serta menyemai pemahaman yang mendalam terhadap al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai asas utama dalam kehidupan mereka.

Melalui pendekatan kurikulum yang seimbang dan holistik, pelajar didegradkan dengan pelbagai aspek kehidupan yang merangkumi etika, tanggungjawab sosial, serta nilai-nilai murni yang harus diterapkan dalam kehidupan mereka. Penghayatan kepada ajaran Islam yang sebenar dapat melahirkan individu yang bukan sahaja bijak dalam ilmu pengetahuan, tetapi juga berakhhlak tinggi dan mampu bertindak dengan penuh kebijaksanaan dalam pelbagai situasi kehidupan.

## SUMBANGAN KAJIAN

### **Harapan untuk Membentuk Pelajar Berwibawa, Berkarakter Tinggi, dan Bermartabat:**

Salah satu sumbangan utama yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah agar kurikulum pendidikan agama dapat menghasilkan pelajar yang berwibawa, memiliki sahsiah tinggi, dan bermartabat. Pembentukan sahsiah ini bukan hanya bertujuan untuk melahirkan individu yang mematuhi peraturan agama semata-mata, tetapi juga bertujuan untuk menghasilkan generasi yang mampu menjadi pemimpin masa depan, yang berpegang teguh kepada prinsip-prinsip moral dan etika yang tinggi.

Selain daripada itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan pandangan yang lebih jelas tentang bagaimana kurikulum pendidikan agama di institusi pengajian tinggi Islam boleh disusun dan diperbaharui untuk memastikan ia relevan dengan kehendak semasa dan mampu memenuhi keperluan pelajar dalam menghadapi cabaran global. Input tambahan daripada hasil kajian ini boleh membantu memperkuuh struktur kurikulum yang ada, serta memperkenalkan program-program pembangunan sahsiah yang lebih berkesan.

### **Peranan Institusi Pengajian Tinggi dalam Melahirkan Generasi Pelapis Negara:**

Lepasan daripada Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam bukan sahaja merupakan generasi yang akan berbakti kepada negara, bangsa, dan agama, tetapi mereka juga dilihat sebagai pemimpin masa depan yang akan membentuk arah tuju negara dan masyarakat. Pendidikan agama yang diberikan kepada mereka di institusi

pengajian tinggi bukan hanya sebagai persediaan akademik, tetapi juga sebagai landasan untuk membentuk pemikiran yang mantap, akhlak yang terpuji, dan pemahaman yang mendalam tentang tanggungjawab mereka terhadap masyarakat.

Jika generasi pelajar ini dididik dengan nilai-nilai akhlak yang terpuji, seperti kejujuran, tanggungjawab, dan kesederhanaan, serta diajar untuk memiliki pandangan jauh dalam membuat keputusan, mereka akan dapat menjadi pemimpin yang mampu membawa perubahan positif kepada negara. Penghayatan yang mendalam terhadap akidah Islam yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga akan memastikan mereka tidak terpesong dari jalan yang benar dan tetap berpegang kepada prinsip-prinsip Islam dalam kehidupan mereka.

### **Potensi Pembentukan Generasi Pelopor Kecemerlangan:**

Kajian ini juga memberi fokus kepada bagaimana kurikulum pendidikan agama yang dilaksanakan dengan baik dapat menghasilkan generasi pelajar yang bukan sahaja berakhhlak mulia, tetapi juga menjadi pelopor kepada kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Dengan asas pendidikan agama yang kukuh, pelajar akan lebih mudah menyesuaikan diri dengan cabaran hidup yang semakin kompleks dan dinamik. Mereka akan lebih berdaya saing, lebih mampu menghadapi cabaran global, serta lebih peka terhadap isu-isu kemanusiaan, sosial, dan etika.

Generasi ini akan menjadi pelopor dalam mewujudkan masyarakat yang lebih maju, bermoral, dan berdaya saing di peringkat global. Mereka akan menunjukkan kepimpinan yang berlandaskan prinsip Islam, yang memberi penekanan kepada kesejahteraan dunia dan akhirat.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini memberi sumbangan yang besar terhadap pemahaman kita mengenai pentingnya kurikulum pendidikan agama dalam membentuk sahsiah pelajar di institusi pengajian tinggi Islam. Melalui pengajaran yang berlandaskan al-Qur'an dan as-Sunnah, pelajar bukan sahaja

dididik untuk mencapai kecemerlangan akademik, tetapi juga untuk menjadi individu yang berakhhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Ini akan membolehkan mereka menjadi pemimpin yang mampu memajukan negara, bangsa, dan agama.

Dengan penguatan kurikulum pendidikan agama yang relevan dan seimbang, institusi pengajian tinggi dapat melahirkan pelajar yang bukan sahaja berjaya dalam bidang akademik, tetapi juga mempunyai sahsiah yang tinggi dan moral yang kukuh. Ini seterusnya akan memberi impak positif kepada pembangunan negara dan masyarakat dalam jangka panjang, menjadikan mereka sebagai generasi yang dapat menyumbang kepada kecemerlangan dan kemakmuran negara, serta memimpin perubahan yang positif di dunia.

Berdasarkan kepada kehendak kurikulum dan cadangan-cadangan yang telah dikongsikan, adalah diharapkan agar amalan dan penghayatan sebagai seorang yang bersahsiah tinggi akan menjadi satu kebanggaan dan kebiasaan dalam kehidupan pelajar. Tambahan lagi, pengkaji mengharapkan agar hasil daripada dapatkan kajian ini akan beroleh manfaat dan suatu input tambahan agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berwibawa, bersahsiah tinggi dan bermartabat yang tinggi berasaskan al-Qur'an dan as-Sunnah.

Secara kesimpulannya, lepasan daripada Institusi Pengajian Tinggi di Negara Brunei Darussalam adalah merupakan sebagai generasi pelapis untuk berbakti kepada negara, bangsa dan ugamanya. Seandaianya mereka dididik dengan nilai-nilai akhlak yang terpuji, berpandangan jauh, tidak terpesong daripada akidah yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, maka ia akan dapat membentuk generasi pelajar yang boleh menjadi pelopor kepada kecemerlangan dan kegemilangan pada masa akan datang.

## RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim. (t.t). (2014). *Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya*. Brunei Darussalam.

(t.p). (2014). *Al-Wafi: Syarah Hadith 40 Imam Nawawi*, Mustafa Al-Bugha Muhyiddin Misto

(peny.). Ahmad Khairi Al-Latif (penterj.). Selangor: Al-Hidayah Publications.

Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad ibn Ismā'il al-Bukhari. (2005). *Fathul Baari Syarah: Shahih Bukhari*, Imam al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani (peny.). Gazirah Abdi Ummah (penterj.). Jakarta: Pustaka Azzam. Jil. 18.

(t. peny), (2006). *Kepimpinan Raja Memperkuuh Asas dan Dasar Islam*. Brunei Darussalam : Pusat Da'wah Islamiah.

(t.peny), (1996). *Pendidikan Ugama di Negara Brunei Darussalam*, Brunei Darussalam : Jabatan Pengajian Islam.

Abdul Muhsien Sulaiman. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Murid dan Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki*. Malaysia : Universiti Malaya.

Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdullah Nashih Ulwan. (1994). *Pesanan Kepada Pemuda Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan al-Ramadhan.

Abuddin Nata. (2012). *Pemikiran Pendidikan Islam dan Barat*. Jakarta : PT Raja Grafindo.

Asbol Mail. (2012). *Kemerdekaan 25 Tahun : Kumpulan Artikel Sejarah Memperingati 25 Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR).

Baharom Mohadmad dkk. (2008). *Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti*. Kuala Lumpur : Universiti Teknologi Malaysia

Cates, Ward Mitchell. (1990). *Panduan Amali untuk Penyelidikan Pendidikan*. (terj.) Syaharom Abdullah. Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fatimah Abdul Rahman. (1993). *Asas-Asas Masyarakat Cemerlang*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Haron Din. (1988). *Masalah Pelajaran Ugama di Malaysia*, Kuala Lumpur : Al-Rahmaniah.

- Haron Din. (2007). *Islam, Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. Selangor : PTS Publication.
- Hassan Langgulung. (1991). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Othman. (2016). *Menangani Disiplin di Sekolah*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Izzah Nur Aida & Salasiah Hanin. (2018). *Personaliti Bapa Menurut Perspektif Islam dan Aplikasinya dalam Keluarga*.
- Kamaruddin Ngah dan Roslim Akhir. (1990). *Kaedah Penyelidikan Panduan Mudah Kerja Luar*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan (2001). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). "Determine Sample Size for Research Activities" *Education and Psychological Measurement*. Vol. (30).
- Mason, J. (2002). *Qualitative Researching (2<sup>nd</sup> Edition)*. London: Sage Publication.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan (Cetakan Ketujuh)*. Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Daud. (2004). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Masri Kambar. (2013). *Dasar Pelajaran Ugama di Negara Brunei Darussalam (1950 – 2007)*, Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasir Omar. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Neuman W, Lawrence. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. United States of America : Pearson.
- Rohani Haji Abdul Hamid. (2020, Jun 13). 12 Lelaki, 5 Perempuan, 3 Juvana Dihadapkan ke Mahkamah. *Pelita Brunei*.
- Rosnani Hashim. (2015). *Critical Issues and Reform of Muslim Higher Education*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia : Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- Salleh Lebar. (2009). *Pengurusan Sekolah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam : Kecemerlangan Akademik dan Kokurikulum*. Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spritual Menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Alwiah Asagoff. (1986). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Singapura: Heinemen (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Uthman Najati. (1985). *Al-Qur'an dan Ilmi Jiwa*. Indonesia : Penerbit Pustaka Bandung.
- Wan Azmi Ramli. (1992). *Pembangunan Masyarakat dari Perspektif Kebajikan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Wan Mohd Zahid Mohd. Nordin. (1994). *Wawasan Pendidikan Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing (M) Sdn. Bhd.
- Zakaria Stapa. (2001). *Aqidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

#### eBooks:

- Abdul Halim Tamuri, Zarin Ismail. (2010, Disember 12). Pengaruh Media Massa Terhadap Pegangan Nilai Akhlak Remaja : Kajian Ke Atas Fakir Miskin Di Kawasan Luar Bandar.  
<http://repo.uum.edu.my/1821/1/15.pdf>.
- Amran Mat Arriffen. (t.th). *Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Globalisasi*, [https://www.academia.edu/31845950/Pendidikan\\_Islam\\_Menghadapi\\_Cabaran\\_Globalisasi](https://www.academia.edu/31845950/Pendidikan_Islam_Menghadapi_Cabaran_Globalisasi).

- Azizi Yahaya,Najib Ab. Ghaffar dan Badrulzaman Baharom. (2006). Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor. Malaysia: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.  
<https://core.ac.uk/download/pdf/11785987.pdf>
- Asbol Mail. (2006). *Sejarah Perkembangan*

*Pendidikan di Brunei 1950-1985*, Bandar Seri Begawan : Pusat Sejarah Brunei.

Norfadilah Rahman & Zakaria Stapa (2014). Pembangunan Kerohanian Berasaskan al-Muhasibi Dalam Menangani Gejala Sosial Masa Kini. *e-proceeding of The International Conference of Integration Knowledge*. Bandung: <http://worldconferences.net>.

Shahidan Shafie & Ying-Leh Ling. (2017). Pembentukan Sahsiah Berkualiti Melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam: Satu Kajian Korelasi di Politeknik. *National Conference of Thinking Culture (ICTC)*. Malaysia : Sarawak. [https://www.researchgate.net/publication/325140627 Pembentukan Sahsiah Berkualiti melalui Penghayatan Kurikulum Pengajian Islam Satu Kajian Korelasi di Politeknik](https://www.researchgate.net/publication/325140627_Pembentukan_Sahsiah_Berkualiti_melalui_Penghayatan_Kurikulum_Pengajian_Islam_Satu_Kajian_Korelasi_di_Politeknik)

#### Jurnal:

Abdul Halim el-Muhammadi. (1986). Peranan Guru Dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. 1 (4).

Agus Setiawan. (2018). Kajian Kurikulum Pendidikan Agama Islam Dalam Tinjauan Historis, Sosiologis, Politis, Ekonomis dan Management Negara. *Jurnal Ilmiah Keagamaan Pendidikan dan Kemasyarakatan*. Vol. 9.

Akhmal Annas Hasmori dkk. (2011). Pendidikan, Kurikulum dan Masyarakat: Satu Integrasi. *Journal of Edupres*. Vol. 1.

Azmil Hashim, dkk. (2017). Amalan Pembelajaran Pendidikan Akhlak Menurut Al-Ghazali: Kajian Terhadap Pelajar di Sekolah Agama di Negeri Perak. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol. 9 (1).

Fathiyah Fakhruddin & Asmawati Suhid. (2016). Proses *Murabatah al-Nafs* Menurut Perspektif al-Ghazali bagi Membangunkan Individu Seimbang dan Holistik. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur. (PBMITT)*. Vol. 2(2).

Fauziah Hanim Jalal, Nurul 'Ain Daud, Nazariah Abd Samad. (2015). Kesan Program Pembangunan Sahsiah Terhadap Pembentuk

Karakter Pelajar. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*. Vol 8, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Firdaus Noor, Kamarul Azmi & Khairunnisa A. Shukor. (2016). Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pelajaran Ugama Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 11 (3).

Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2008). Globalisasi dan Cabaran Pendidikan di Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan*. 31(1).

Hafiz Kamarudin. (2006). *Pembangunan Sahsiah Pelajar Dan Peranannya Dalam Pencegahan Masalah Gejala Sosial: Satu Kajian Di Kolej 10 UTM*. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.

Halim, T. Ab & I. Zarin. (2009). Hubungan antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *International Journal of the Malay World and Civilisation: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 27.

Isna Ariffatul Qoridah, Dartim Dartim (2023). Peran Guru Pendidikan Agama Islam dalam Meningkatkan Kegiatan Pembelajaran Agama Islam di SMP Muhammadiyah 7 Karanganyar, *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Pendidikan*: Vol 8, No 4 (2023)

Lukman Hakimi Ahmad. (2014). Persepsi Pelajar terhadap Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dalam Pembentukan Sahsiah Muslim, *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Vol. 39(2).

Nabilah Metussin & Al Adib Samuri. (2017). Faktor-Faktor Dorongan Kesalahan Khalwat di Negara Brunei Darussalam. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 2(2).

Nik Liyana Mustapa @ Nik Daud, Wan Norhaniza Wan Hasan (2024). Potensi Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Di Malaysia Dalam Pembangunan Insaniah Pelajar. Vol. 33 No. 6 (2024): al-Qanatir, *Journal of Islamic Studies*: November Issue.

- Nik Rosila. (2007). Penggunaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil 22.
- Nor Syahida Hashim, Nadiyah Hashim (2023). Pengajaran Subjek Agama Islam Terhadap Pelajar Non-Muslim di UITM Perlis, International Journal of Modern Education: Volume 5 Issue 17.
- Suhaila Ishak, dkk. (2019). Pengaruh Penggunaan Pengetahuan, Pedagogi dan Isi Kandungan Guru Terhadap Kemerosotan Skor Matematik Timss di Melaka. *Jurnal Kesidang*. Malaysia : Kolej Universiti Islam Melaka.
- Sukari Mohammad & Nizam Sahad. (2014). Teori Kepimpinan Guru Dalam Pendidikan Berasaskan Pemikiran Al-Ghazali: Satu Perbandingan Dengan Teori Kepimpinan Pendidikan Barat. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam (Afkar Edisi Khas)*. Malaysia : Universiti Malaya.
- Tamuri, A.H. & Jasmi, K. A. (2009). Nilai, Amalan dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam Selepas Penjajahan Barat hingga Kini. *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*.
- Tamuri, A. H, Ajuhary, M.K.A. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2 (1). Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Faridah Che Husain. (2008). Pendekatan Individu dalam Pengajaran Pendidikan Islam sebagai Wahana Melahirkan Modal Insan Bertamadun. *Jurnal Usuluddin*, Vol. 27.
- Zaharah Hussin. (2005). Mendidik Generasi Berakhhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam. *Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zainab Binti Mohamad Ahmad, Mohd Syaubari Bin Othman, Fadhlina Binti Mohamad Ahmad (2023). Penggunaan Domain Afektif Dan Kemahiran Insaniah Melalui Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Di Politeknik. E-Proceedings of International Seminar on Islamic Studies 2023 (SEAPIS 2023) 6-7 December 2023
- Zakaria Stapa, dkk. (2012). Faktor Persekutaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*.